

AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 11 DISEMBER 2021

HARI : SABTU

SENTIMEN : POSITIF

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

UTAMA NASIONAL POLITIK EKONOMI DUNIA SENI HIDUP SUKAN PENDAPAT MGTV GALERI MG ENGLISH



Home > Nasional > Nikmati Pelepasan Taksiran Cukai Sehingga RM8,000 dengan Simpan SSPN

NASIONAL

Nikmati Pelepasan Taksiran Cukai Sehingga RM8,000 dengan Simpan SSPN

The advertisement features a yellow background. At the top left is the logo for TABUNG Pendidikan (Tabung Haji). On the right is the Simpan logo with the text "SEJUMLAH SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL". The central text reads "Nikmati Pelepasan Taksiran Cukai Sehingga RM8,000* Setahun!". Below this, it says "Dan Berpeluang Sertai Cabutan WOW! Simpan". A man in a blue shirt is shown cheering with his arms raised. In front of him are two red cars and several gold bars. The text "Sehingga 31 Disember 2021" is at the bottom. The website "www.lovesspn.com" is also mentioned.

KUALA LUMPUR – Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga maksimum RM8,000 setahun layak dinikmati oleh ibu bapa dan ibu bapa angkat yang menyimpan dalam akaun Simpan SSPN untuk manfaat anak-anak mereka.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam kenyataan menjelaskan, faedah tersebut juga dinikmati oleh penjaga yang sah dari segi undang-undang.

Pelepasan taksiran dibuat berdasarkan jumlah simpanan bersih tahun semasa mengikut kategori kelayakan seperti berikut:

- Taksiran Berasingan: Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga maksimum RM8,000 SEORANG setahun.
- Taksiran Bersama: Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga maksimum RM8,000 setahun.

3 Kelebihan Pelepasan Taksiran Cukai Pendapatan

- Menggalakkan ibu bapa untuk membuat simpanan demi pendidikan masa depan anak
- Nikmati dividen tahunan yang kompetitif di dalam akaun Simpan SSPN
- Dana kecemasan

www.lovesspn.com

Bagaimanapun Individu yang menyimpan untuk diri sendiri tidak layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan.

Insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan diberikan berdasarkan jumlah simpanan bersih tahun semasa, iaitu simpanan yang telah ditolak pengeluaran.

Pendeposit boleh menyemak atau mencetak penyata ringkasan akaun Simpan SSPN di portal rasmi PTPTN.

Timbul tanda tanya sama ada sama ada pendeposit yang mempunyai kedua-dua akaun iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus boleh menikmati pelepasan taksiran cukai pendapatan sebanyak RM15,000.

Menurut PTPTN, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih bagi Simpan SSPN Plus dan Simpan SSPN Prime hanya diberikan sehingga RM8,000.

Bagaimanapun bagi akaun Simpan SSPN Plus, pendeposit boleh menikmati tambahan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas sumbangan takaful yang dibayar kepada pengendali takaful sebanyak RM7,000 di bawah kategori pelepasan bagi insurans nyawa dan KWSP.

Rebut peluang pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 yang akan berakhir pada 31 Disember 2021.

Masih ada masa lagi, jadi layari www.lovesspn.com untuk pembukaan atau penambahan akaun. – MalaysiaGazette

<https://malaysiagazette.com/2021/12/11/nikmati-pelepasan-taksiran-cukai-sehingga-rm8000-dengan-simpan-sspn/>